

**Najib Mahu Kawasan Baru Diterokai Bagi Maju Industri Pelancongan  
Bernama  
Julai 31, 2011**

PEKAN, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pengusaha industri pelancongan negara perlu meneroka tempat-tempat baru yang dilihat berpotensi besar dan tidak semestinya tertumpu di kawasan yang telah dibangunkan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata kawasan-kawasan baru perlu dieksploitasikan sepenuhnya bagi memajukan industri pelancongan negara.

"Kita tidak boleh lihat kawasan tertentu sahaja yang membangun dari segi industri pelancongan, tetapi perlu lihat tempat-tempat lain yang perlu dieskploitasi sepenuhnya," katanya ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah pembangunan resort empat bintang di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi UDA Holdings Berhad Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Najib berkata pembangunan resort berkenaan di Pekan misalnya, dilihat akan melonjakkan bandar itu yang sebelum ini dikenali sebagai Bandar Diraja, dalam bidang industri pelancongan.

"Bandar Pekan keseluruhannya merupakan sebuah bandar yang rancangan pembangunannya dilakukan secara teliti dan rapi," katanya.

Beliau yakin pembinaan resort berkenaan akan menjadikan Pekan tempat tumpuan pelancong dan mengikut perancangan, sungai Pahang di bandar itu juga akan dibangunkan "waterfront" selain menaiktarafkan muzium Pekan dalam usaha menarik pelancong.

Resort berkenaan yang dibangunkan UDA Holdings melibatkan kos RM80 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada 2013.

Resort berkenaan berkonsepkan "modern tropical" itu akan dibina di kawasan Peramu Jaya, bersebelahan kediaman rasmi Perdana Menteri di Pekan.

Sementara itu, Nur Jazlan berkata lokasi strategik di pinggir Sungai Pahang dilihat amat sesuai untuk menarik para pengunjung.

"Resort berkenaan akan dilengkapi 133 bilik dan saya percaya resort ini akan menjana kepesatan industri pelancongan dan mengubah lanskap pembangunan Pekan dan mampu mewujudkan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat," katanya.

-- BERNAMA